

Analisis Keperluan Pembangunan Model M-Pembelajaran Faraid bagi Mata Pelajaran Syariah peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

Analysis of the Development Needs of the Faraid M-Learning Model for Shariah Subjects at the Malaysian Higher Certificate of Education Level (STPM)

ABE SOHPIAN ABDUL RAHMAN^{*1}, NOOR LIZZA MOHAMED SAID¹ & ROSMAWATI MOHAMAD RASIT²

¹Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

²Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

*Corresponding Author; email: p107655@siswa.ukm.edu.my

Received: 20 January 2024/Revised: 29 March 2024/Accepted: 20 May 2024/

Publish: 1 December 2024

ABSTRAK

Prestasi pencapaian faraid dalam mata pelajaran Syariah Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sejak 2016 sehingga 2022 masih berada pada tahap sederhana rendah. Selain itu, ketiadaan buku teks khusus Syariah STPM dan kekurangan pembelajaran faraid STPM secara mudah alih berbanding dengan pengajian tinggi, menyumbang kepada prestasi tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM menurut pandangan pakar. Seramai tiga orang guru dan tiga orang pensyarah telah terpilih sebagai pakar kajian dalam fasa ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual (soalan separa struktur) dan dianalisis secara tematik menggunakan Nvivo versi 29. Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, terdapat kesepakatan dalam kalangan pakar bagi keperluan membangunkan model M-pembelajaran faraid STPM. Pandangan yang dicadangkan oleh semua pakar tersebut dipamerkan berdasarkan tiga tema utama iaitu keperluan model, kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau novelty M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM dan persetujuan dibangunkan model mengikut beberapa konstruk yang dicadangkan. Mereka menegaskan bahawa model yang dibangunkan ini perlu dan wajar dijadikan sebagai panduan kepada para pelajar STPM untuk mendapatkan maklumat faraid dengan cepat dan mudah. Oleh itu, implikasi dapatan yang diperolehi bagi fasa keperluan ini membantu pengkaji untuk meneruskan kajian berkaitan fasa reka bentuk dan pembangunan model DDR ini.

Kata kunci: Analisis keperluan; pembangunan model; M-pembelajaran faraid; Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

ABSTRACT

The performance of candidates in Faraid within the Shariah subjects of the Malaysian Higher Secondary School Certificate (STPM) from 2016 to 2022 remains moderately low. In addition, the lack of STPM Shariah-specific textbooks and portable STPM Faraid learning resources compared to subjects heightens the concern. Therefore, this study aims to identify the need to develop a Faraid M-learning model for Shariah subjects at the STPM level. Three teachers and three lecturers have been selected as experts for systematic interviews. This study used a qualitative approach: interviews (semi-structured questions) and was analyzed thematically using Nvivo version 29. Based on the interview analysis, experts agreed on the need to develop the STPM Faraid M-learning model. The views proposed by all the experts are displayed based on three main themes: (1) the model of need, (2) the importance of the contribution of Faraid M-learning for Shariah subjects at the STPM level, and (3) the consensus reached to develop a model according to several proposed constructs. The interviewed experts insisted that the developed model should be used as a guide for STPM students to grasp information quickly and easily. The analysis enables the researcher to progress with the study related to the design and development phase of the DDR model.

Keywords: Needs analysis; model development; Faraid M-learning; Malaysian Higher School Certificate (STPM)

PENGENALAN

M-pembelajaran (*mobile learning*) adalah suatu kaedah atau konsep yang baru dalam sistem pendidikan abad ke 21, menurut Kukulska-Hulme (2005), ia merupakan satu metod PdP baru yang tidak memerlukan kepada sesuatu tempat khusus bagi sesuatu PdP yang dijalankan secara formal. Selain itu, Prensky (2001) turut menjelaskan bahawa M-pembelajaran adalah suatu pembelajaran yang menggunakan pelbagai alat teknologi maklumat dan ICT yang canggih seperti telefon pintar (*smartphone*), tablet, notebook, Ipad, komputer riba (*laptop*) dan sebagainya. Pembelajaran masa kini atau ia dikenali sebagai M-pembelajaran telah mengaplikasikan pelbagai alat peranti tanpa wayar yang boleh diakses di mana sahaja lokasi yang kita kehendaki dan masa yang berbeza tanpa terikat dengan jadual waktu persekolahan. Saedah Siraj (2005).

Dalam proses PdP yang dijalankan, penggunaan peranti mudah alih seperti telefon pintar (*smartphone*) atau komputer riba (*laptop*) mampu menghubungkan antara semua pihak sama ada guru, pelajar dan bahan dalam mana-mana laman web secara maya tanpa sebarang sekatan (Yusof et al. 2017). Menurut Brown (2005) & Breslow (2015), pembelajaran secara dalam talian ini sangat menguntungkan para pelajar, ini kerana pelajar boleh mendapatkan sebarang maklumat dan tidak perlu menyalin balik nota yang diberikan oleh guru, pelajar juga boleh belajar secara bersendirian atau berkumpulan seperti membina atau mengendalikan sesuatu program atau mempelajari sesuatu ilmu melalui contoh yang telah ditunjukkan oleh orang lain.

Menurut Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj (2017) sesuatu PdP yang dijalankan, selain mahir dengan pelbagai metod pengajaran, seorang guru yang cemerlang dalam pendidikan perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu (ICT) supaya sesuatu PdP yang dilaksanakan dapat meningkatkan prestasi dan minat seseorang murid tersebut. Sesuatu perubahan PdP yang mana dahulunya pengajaran lebih kepada pemusatan guru (*teacher-centred*) telah berubah kepada pengajaran berpusatkan pelajar (*student-centred*) telah memberi kesan kepada perubahan sesuatu metod, corak pemikiran dan pedagogi pengajaran seseorang guru. Oleh itu, dalam PdP seseorang guru di sekolah mahupun di rumah perlu lebih berinovasi dalam pengajaran yang sesuai selari dengan gesaan PAK 21 iaitu M-pembelajaran, bagi

menyampaikan isi kandungan sesuatu pelajaran dengan menggunakan kepelbagaian aplikasi dalam teknologi. Hal ini kerana PdP yang menarik terbina daripada bentuk PdP yang selari berdasarkan kemampuan murid itu (Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj 2017).

Oleh itu, kepelbagaian kaedah PdP dengan berbantuan kepada kemudahan teknologi sedia ada ini akan dapat meningkatkan mutu kefahaman, minat dan prestasi mereka dalam sesuatu mata pelajaran yang dipelajari (Najwan Khasim et al. 2017). Selain itu, pembelajaran seseorang pelajar secara regulasi sendiri juga sangat penting dalam memahami sesuatu ilmu yang diperoleh terutamanya dalam ilmu faraid. Kesimpulannya, bagi memantapkan ilmu faraid atau mirath STPM tanpa mengira tempat dan masa, kaedah PdP guru dan pelajar perlu dipelbagaikan melalui M-pembelajaran. Justeru itu, tujuan utama penyelidikan ini adalah membangunkan model M-pembelajaran faraid bagi menambahkan pengetahuan dan membentuk kemahiran menyelesaikan masalah faraid dalam kalangan pelajar secara sendiri.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan digital, terutamanya melalui M-pembelajaran, telah menjadi alat yang penting dalam memperoleh ilmu pengetahuan dengan lebih mudah dan selaras dengan visi Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaupun terdapat beberapa cabaran, seperti akses internet dan peranti mudah alih, baik ibu bapa mahupun murid menunjukkan kesediaan yang positif terhadap pelbagai aplikasi pendidikan mudah alih. M-pembelajaran, sebagai konsep baru dalam sistem pendidikan abad ke-21, memberikan fleksibiliti tanpa memerlukan tempat khusus untuk pembelajaran formal. (KPM 2012)

Keperluan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pembelajaran faraid diakui sebagai alat sokongan yang dapat meningkatkan pemahaman pelajar. Gabungan BBM dan M-pembelajaran menjadikan pembelajaran faraid lebih menarik dan efektif. Bagi memenuhi keperluan pelajar dalam mata pelajaran faraid STPM yang mencabar, saluran e-learning seperti "Celik Faraid" di YouTube memberikan alternatif bagi meningkatkan pemahaman ilmu faraid.

Ketidakupayaan pelajar STPM untuk sepenuhnya bergantung pada guru menekankan kepentingan kemahiran pembelajaran sendiri. Pembelajaran sendiri merupakan kaedah terbaik

dalam membina kemahiran intelektual, akhlak, dan emosi pelajar, serta memberikan impak positif pada pencapaian akademik. Oleh itu, perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran faraid perlu diterapkan untuk memantapkan pemahaman dan kecekapan pelajar dalam menangani masalah pengiraan faraid tanpa bergantung pada bantuan guru secara mutlak.

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan M-pembelajaran (*mobile learning*) merupakan salah satu bentuk pedagogi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada masa kini. Kepelbagaian alatan teknologi seperti telefon pintar (*smartphone*), perisian (*software*) dan sebagainya bukanlah menjadi penanda aras kepada suatu bentuk PdP abad ke 21 yang sebenar tetapi yang dimaksudkan dengan pembelajaran abad ke-21 adalah pemusatan murid serta penekanan kepada KBAT dalam setiap diri murid dengan berbantuan kepada kepelbagaian kaedah inovasi guru dalam penggunaan ICT sedia ada. (Majalah Pendidik, November 2016)

Jelas di sini, penggunaan aplikasi (ICT) dalam PdP dapat menggalakkan pelajar lebih aktif dan menyeronokkan dalam sesuatu pembelajaran. M-pembelajaran yang dilaksanakan akan dikira berjaya memecahkan kaedah PdP yang bersifat tradisional (*teacher-centred*). Clarke III et al. (2001) juga telah menyatakan bahawa para pelajar dapat mengakses semua bahan pembelajaran dengan mudah dan cepat tanpa perlu ke perpustakaan dan melakukan sesuatu pemerhatian di lapangan. Selain itu, pelajar juga dapat memuat turun (*download*) atau memuat naik (*upload*) sesuatu nota atau bahan yang diberikan oleh guru tanpa mengira masa dan tempat pelajar itu berada. Oleh yang demikian, kepelbagaian kaedah pengajaran seseorang guru akan mempengaruhi sesuatu minat dan keputusan atau pencapaian sesuatu mata pelajaran (Noor Ema Binti Abu & Leong Kwan Eu 2014).

Menurut Nidzam Yaakob (2020) sekiranya dilihat dalam konteks Malaysia, masih kurang kajian tentang kurikulum M-pembelajaran dilaksanakan dalam pendidikan di negara kita sama ada di sekolah mahupun peringkat universiti. Fenomena yang berlaku telah menunjukkan perlunya kajian berkaitan dengan kurikulum M-pembelajaran dan model pembelajaran yang perlu dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Seajar dengan itu menurut da Silva de Lima; Rochadel & Silva

(2014) perlunya kajian dijalankan untuk melihat keperluan M-pembelajaran dilaksanakan dan juga untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan juga ancaman terhadap pelaksanaannya secara global.

Apabila dilihat kepada sorotan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji, tidak dinafikan bahawa M-pembelajaran sangat membantu PdP guru dan pelajar. Namun pengkaji mendapati bahawa terdapat di sana beberapa masalah yang timbul berkaitan subtopik faraid dalam PdP masa kini iaitu ketiadaan peningkatan prestasi dalam peperiksaan sebenar STPM dari sederhana rendah kepada tinggi. Ini berdasarkan data yang diperolehi dari Majlis Peperiksaan Malaysia dari tahun 2016 sehingga 2022. Data menunjukkan tahap interpretasi kesukaran pelajar masih berada pada tahap sederhana rendah selama 6 tahun. Selain itu, pengkaji mendapati kefahaman masyarakat tentang ilmu faraid masih berada pada tahap yang rendah. Ini turut dibuktikan dengan pandangan Zulquarnain Ali & Lizza (2010); Nor Azurah Md. Kamdari; Remali Yusoff dan Ahmad Abd Majid (2013) dan Ajmain Safar & Halimatul Ashiken Othman (2010). Timbul persoalan di sini, adakah disebabkan kekurangan kepelbagaian PdP faraid yang menarik untuk pembelajaran mereka telah menyebabkan para pelajar STPM kurang berminat terhadap subtopik faraid dan kenapa kefahaman masyarakat di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah dalam memahami ilmu faraid atau mirath?

Justeru itu, objektif kajian adalah bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM mengikut pandangan guru dan pakar. Oleh itu terbina tiga sub tema utama, yang akan dikaji iaitu berkaitan:

1. Pandangan pakar terhadap keperluan dibangunkan model tersebut.
2. Kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau *novelty* pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah dalam pembangunan model M-pembelajaran.
3. Persetujuan untuk dibangunkan model tersebut

DEMOGRAFI PESERTA KAJIAN

Pengumpulan data soalan separa struktur ini melibatkan enam orang pakar yang terdiri daripada tiga orang guru STPM yang mempunyai pengalaman luas serta tiga orang pensyarah kanan dari universiti yang terlibat secara aktif dalam

proses dan penilaian pembelajaran (PdP) faraid menggunakan pembelajaran mudah alih (*Mobile Learning*). Pengkaji mengkodkan setiap peserta kajian dengan simbol PK1, PK2, PK3, PK4, PK5 dan PK6 bagi memudahkan penganalisan dan pelaporan kajian. Bagi mencapai matlamat kajian

ini, kajian memfokuskan terhadap peserta kajian yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun mengajar subjek faraid STPM sama ada di SMKA/SMK atau di IPTA dan telah melebihi 5 tahun menggunakan ICT/ *M-learning* dalam PdP.

JADUAL 1. Demografi Peserta Kajian

Responden	Jantina	Gred/ Pendidikan	Kepakaran Bidang	Pengalaman
PK1	Lelaki	Prof. Madya. Dr/PhD	PdP Faraid/ICT	13 tahun
PK2	Lelaki	Prof. Madya. Dr/PhD	PdP Faraid/ICT	15 tahun
PK3	Lelaki	Pensyarah Kanan/Master	PdP Faraid/ICT	11 tahun
PK4	Lelaki	DG 48/Master	PdP Faraid/ICT	17 tahun
PK5	Lelaki	DG 48/Master	PdP Faraid/ICT	15 tahun
PK6	Lelaki	DG 54/Master	PdP Faraid/ICT	11 tahun

Sumber: Abe Sohpiian (2023)

Berdasarkan Jadual 1, analisis kepakaran bidang menunjukkan terdapat 2 kategori kepakaran peserta kajian iaitu kesemua mereka adalah merupakan pakar dalam bidang pedagogi pengajaran faraid dan ICT. Namun begitu, tiga orang peserta kajian melibatkan tingkatan enam dan tiga orang lagi pensyarah di IPTA yang mempunyai latar belakang pengalaman yang berbeza antara dua kelompok mereka.

METODOLOGI

Dalam pendekatan DDR atau PRP, fasa pertama adalah fasa paling awal dan terpenting, ia dikenali dengan fasa analisis keperluan kajian. Fasa ini antara fasa wajib dijalankan memandangkan fasa ini pengkaji akan dapat mengenal pasti setiap persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian yang digunakan dalam membentuk model yang akan dibangunkan (Ridhuan; Saedah; Zaharah; Nurulrabihah dan Ahmad Arifin 2014). Justeru itu, fasa ini merupakan salah satu fasa yang terpenting bagi pengkaji untuk mengenal pasti keperluan untuk membangunkan model M-Pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah Peringkat STPM.

Menurut McKillip (1987), fasa analisis keperluan melibatkan fasa mengenal pasti dan menilai sesuatu keperluan yang ingin dikaji dan dapat menentukan keputusan yang ingin diperolehi. Proses mengenal pasti dan menganalisis keperluan dikenali juga dengan proses mengenal pasti masalah yang wujud dalam kalangan populasi yang dipilih (*target population*). Proses ini juga melibatkan

proses mengenal pasti cara penyelesaian terbaik yang boleh diambil oleh pengkaji (Witkin; Altschuld 1995). Fasa ini juga lebih memfokuskan kepada apa yang sepatutnya dilakukan berbanding dengan apa yang telah dilakukan (Riviere 1996). Menurut McKillip (1987), fasa analisis keperluan boleh disandarkan kepada beberapa model:

MODEL KETIDAKSESUAIAN (DISCREPENCAI MODEL)

Model ini merupakan model yang digunakan oleh pengkaji terutamanya dalam bidang pendidikan. Model ini menekankan beberapa jangkaan, iaitu proses menetapkan matlamat dan menetapkan apa yang sepatutnya dilakukan. Kedua proses pengukuran prestasi yang melibatkan mengenal pasti apakah yang sepatutnya dilakukan. Ketiga adalah proses mengenal pasti ketidaksesuaian (*discrepancy identification*) iaitu apakah yang sepatutnya berlaku (*what ought to be*) dan apakah sebenarnya sesuatu masalah tersebut (*what is*).

MODEL PEMASARAN (MARKETING MODEL)

Model ini menekankan proses menganalisis keperluan dan maklumbalas yang digunakan oleh sesuatu institusi atau organisasi untuk menilai apakah perkara yang diperlukan oleh pelanggan. Dalam proses menganalisis keperluan dalam model ini akan melibatkan tiga perkara penting iaitu:

1. Proses memilih populasi jangkaan (*target population*) yang mana melibatkan sasaran yang mempunyai kebarangkalian yang tinggi

- menggunakan sesuatu perkhidmatan yang disediakan seterusnya membuat perubahan yang diperlukan oleh pelanggan atau pengguna.
2. Hitung (*quantification*). Proses ini melibatkan pengukuran dan penilaian terhadap keperluan pelanggan dan menganalisis nilai sesuatu prodek dan minat pelanggan terhadap produk atau perkhidmatan.
 3. Sintesis (*synthesis*): Fasa ini melibatkan penyediaan indeks keperluan yang perlu dilakukan oleh sesuatu organisasi. Indeks ini akan memberi gambaran keperluan sebenar dan maklumat yang berkaitan dengan produk yang diperlukan oleh pelanggan.

Namun demikian, berdasarkan kepada kedua-dua model ini, pengkaji mengambil pendekatan menggunakan Model Ketidaksuaian (*Discrepancy Model*) sebagai model pendukung dalam fasa analisis keperluan.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa struktur untuk melihat sejauh manakah keperluan untuk melaksanakan M-Pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM dengan melihat pandangan guru dan pakar. Seterusnya, dapatan yang diperolehi akan dijadikan sebagai asas sandaran untuk mereka bentuk model M-pembelajaran faraid. Dalam aspek analisis keperluan ini, pengkaji menggariskan prosedur dalam fasa pertama ini:

1. Mengenal pasti kumpulan sasar atau kumpulan yang difokuskan
2. Menjalankan analisis keperluan kepada guru dan pakar menggunakan soalan temu bual separa struktur (*semi-structured questions*)

PROSEDUR PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA BAGI FASA ANALISIS KEPERLUAN

Prosedur pengumpulan data bagi fasa analisis keperluan dijalankan dengan menggunakan soalan-soalan temu bual separa struktur (*Semi-structured questions*). Peringkat analisis keperluan ini meliputi temu bual kepada guru dan pakar. Satu set soalan separa struktur (*Semi-structured*) diagihkan kepada 3 orang guru dan 3 orang pakar yang berpengalaman dengan PdP faraid dan ICT melebihi 10 tahun. Menurut Othman (2007), kajian menggunakan kaedah kualitatif secara dasarnya bukanlah hanya untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, namun ia bersifat untuk mengukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu dengan

mengemukakan suatu dialog dan daripada kajian tersebut dapat meningkatkan kefahaman dan amalan. Ia juga boleh digunakan untuk melihat perspektif dan analisis yang berbeza secara mendalam tentang sesuatu isu yang dibangkitkan.

Pengkaji membahagikan prosedur pengumpulan data kepada 3 peringkat iaitu:

1. Peringkat pertama merupakan peringkat merancang pelaksanaan kajian yang melibatkan pemilihan lokasi, pemilihan responden dan membina soalan temu bual.
2. Peringkat kedua pula ialah peringkat menganalisis transkrip temu bual dan menganalisis dokumen.
3. Peringkat terakhir adalah peringkat menulis laporan berdasarkan dapatan daripada temu bual yang dijalankan.

Data untuk fasa keperluan dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual. Data yang didapati daripada temu bual berkumpulan dibahagikan mengikut maklumat tertentu berdasarkan objektif kajian. Selepas temu bual tersebut, pengkaji akan mendengar semula rakaman pita suara yang dipasang ketika temu bual atau direkod melalui aplikasi *google meet* (GM).

Data kualitatif adalah merujuk kepada temu bual separa struktur. Miles Hubberman (1994) menyatakan data kualitatif adalah tiga urutan aktiviti yang berlaku secara serentak iaitu pengurangan data (*data reduction*), persembahan data dan pengesahan data (*verification*). Pengurangan data merujuk kepada pemilihan, memfokus, menyaring data dan menukarkan dalam transkripsi. Data yang diperolehi dari proses temu bual separa struktur akan ditranskripsi mengikut tema dan dikodkan. Tatacara analisis data dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu teknologi, kepenggunaan dan pedagogi semasa proses temu bual dijalankan. Analisis dokumen dijadikan sebagai sokongan kepada data untuk penilaian dan proses triangulasi kepada data temu bual. Mengikut Marshall & Rossman (1995) prosedur analisis data terdiri dari lima tahap iaitu:

1. Menyusun data.
2. Menyatakan tema, kategori, pola.
3. Menguji hipotesis tentang data.
4. Mencari cara penerangan bagi data.
5. Menulis laporan.

Setiap peringkat dalam analisis data akan mengalami keadaan pengurangan data (*data reduction*) apabila pengkaji melihat kepada respon dari responden semasa temu bual dilaksanakan.

Menurut Merriam (2002), kaedah temu bual dipilih kerana temu bual dilihat sebagai kaedah terbaik yang boleh digunakan untuk melaksanakan kajian kes yang intensif bagi beberapa individu yang dipilih. Dapatan data kualitatif ini menyediakan pendapat-pendapat sebenar bahan kajian secara mendalam dari perspektif yang berbeza. Data ini menjelaskan dan mengukuhkan lagi data kuantitatif yang tidak dapat dihuraikan oleh soal selidik (Yin 1984; Ervin 2005). Kaedah temu bual digunakan kerana sesuai untuk populasi yang besar seperti kajian ini dan dapat menggambarkan suasana sebenar (Cohen & Manion 2002).

Pengkaji menggunakan protokol temu bual separa struktur supaya soalan yang dikemukakan lebih berfokus. Melalui temu bual separa struktur, penemu bual bebas untuk menyoal dan meneroka lebih mendalam tentang jawapan responden walaupun penemu bual telah menyediakan soalan sebelum sesi temu bual dijalankan. Penemu bual juga boleh merakam sesi temu bual yang dijalankan supaya tumpuan dapat diberikan kepada maklumat yang disampaikan responden (Chua 2011). Selain itu, Patton (2002) menyatakan bahawa kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana kaedah ini dapat mencari apa yang ada di dalam minda seseorang atau apa yang terkandung dalam pemikirannya mengenai sesuatu aktiviti.

JADUAL 2. Proses Analisa Data Fasa Keperluan Kajian

Perkara	Peringkat 1	Peringkat 2
Instrumen	Temu bual semi struktur	Temu bual semi struktur
Analisis data	Dianalisis secara kualitatif dan analisis data temu bual Marshall & Rossman	Dianalisis secara kualitatif, membuat kesimpulan dan laporan kajian.
Tempoh masa pelaksanaan	1 minggu	2 bulan

Kaedah pertama dalam analisis temu bual dengan cara mentranskripsikan data mengikut tema menggunakan secara manual. Nombor bagi setiap baris data yang dijanakan dari transkripsi. Data yang diperolehi dari cara ini adalah luas dan banyak dan bukan semua digunakan untuk menjawab soalan kajian. Jadi pemilihan data mengikut tema adalah penting dan perlu (Miles & Hubberman 1994). Data mengikut kategori yang diberi akan dilihat untuk disesuaikan dengan tema dan pola yang berkaitan dengan model kajian. Seterusnya barulah dibentuk sub-sub kategori dan dilakukan pengkodan. Seterusnya data disusun semula berdasarkan tema dan sub-tema. Rajah 2 di bawah menunjukkan proses pengumpulan dan analisis data bagi fasa keperluan. Oleh yang demikian, peringkat ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut;

- i. Pada pandangan anda, adakah terdapat keperluan untuk mereka bentuk dan membangunkan model M-pembelajaran faraid (*mobile learning faraid*) bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM? Apakah sumbangan atau novelty kajian ini dan adakah anda bersetuju untuk dibangunkan model tersebut. Jelaskan?

Soalan separa struktur yang diagihkan kepada guru dan pakar, berdasarkan kepada tiga sub tema utama iaitu keperluan model, kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau *novelty* M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM dan persetujuan dibangunkan model mengikut beberapa konstruk yang dicadangkan.

ANALISIS TEMU BUAL DAN PERBINCANGAN

Analisis dijalankan terhadap perspektif guru dan pakar mengenai keperluan pembangunan model M-pembelajaran bagi faraid dalam mata pelajaran Syariah peringkat STPM telah dijalankan. Fasa ini, yang berfokus kepada analisis keperluan, dianggap sebagai langkah permulaan dalam proses pembangunan model M-pembelajaran.

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, terdapat kesepakatan dalam kalangan pakar bagi keperluan membangunkan model M-pembelajaran faraid STPM. Pandangan yang dicadangkan oleh semua pakar tersebut dipamerkan berdasarkan tiga tema utama iaitu keperluan model, kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau *novelty* M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM dan persetujuan dibangunkan model mengikut beberapa konstruk yang dicadangkan.

KEPERLUAN DIBANGUNKAN MODEL

Berdasarkan pandangan semua pakar, terdapat keperluan membangunkan model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM. Pandangan pakar adalah seperti berikut:

“Saya rasa sangat elok la kita buat satu bentuk M-pembelajaran ni, maknanya sebab faraid ini pelajar ni dia perlu satu, sebab faraid ni dia macam praktikal, dia tak boleh belajar sahaja, kalau dia belajar sahaja kadang dia masuk dia keluar ataupun dia masuk dia tak faham pun, tapi tak tahu la saya mengajar orang tua dulu, saya mengajar orang tua dia memang lambat la saya nampak, tapi bila kita buat kiraan, kita buat go one by one tu dia boleh ambil. Cuma pelajar ini saya ingat dia orang lebih advance dengan gajet ni kan, so saya setuju dan sangat sokong la idea M-pembelajaran ini.” (PK1)

Responden pertama (PK1) sangat menyokong usaha pengkaji supaya dibangunkan suatu bentuk model M-pembelajaran berkaitan ilmu faraid disebabkan para pelajar sekarang lebih *advance* atau ke hadapan dari segi penggunaan gajet. Selain itu, secara tidak langsung mereka dapat menyelesaikan permasalahan faraid yang berlaku dengan mudah. Menurut beliau lagi, subjek faraid bukanlah semata-mata teori. Ia memerlukan pendekatan yang lebih praktikal. Oleh itu, M-pembelajaran boleh menjadi alat untuk menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan praktikal. PK1 percaya bahawa generasi muda lebih mahir dan selesa dengan teknologi. Oleh itu, M-pembelajaran boleh menjadi alat yang sangat berkesan untuk mereka. Pernyataan ini turut disokong oleh Duong Huu Tong et al. (2023), pembelajaran menggunakan M-pembelajaran memberi kesan positif kepada cara guru baharu mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan sikap para pelajar.

Secara keseluruhannya, responden pertama (PK1) menyatakan bahawa M-pembelajaran adalah satu pendekatan yang harus diterokai dan digunakan dalam pengajaran faraid kerana ia boleh membantu pelajar dari pelbagai latar belakang dan usia untuk memahami subjek ini dengan lebih baik.

“Jadi daripada penyelidikan yang Ustaz Abi buat ni memang la sangat af-takhir la (sesuatu yang boleh dibanggakan) kiranya. Saya rasa ini usaha yang sangat baik lah, seperti yang saya sebut tadi, menyambut baik la usaha yang dijalankan oleh Ustaz Abi ni, sebab sebelum ni kita jarang dengar faraid ni hanya dibincangkan dan menjadi minat ramai golongan-golongan yang baru pada hadir ini kita tengok dalam media sosial pun ramai tokoh-tokoh yang muncul memperjuangkan ataupun membumikan faraid ini.” (PK2)

Responden kedua (PK2) turut menganggap usaha yang dijalankan oleh pengkaji merupakan suatu usaha yang sangat baik dan perlu diteruskan. Ini kerana beliau mengatakan bahawa pembelajaran faraid jarang diperjuangkan oleh segelintir masyarakat kini. Menurut beliau, kajian yang dijalankan ini merupakan suatu usaha yang perlu dibanggakan kerana pengkaji cuba memperjuangkan dan membumikan ilmu faraid kepada setiap orang.

Secara keseluruhan, responden kedua (PK2) memberi gambaran positif tentang perubahan paradigma masyarakat terhadap faraid, di mana topik ini semakin mendapat perhatian dan minat ramai. Ini disokong dengan inisiatif seperti penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji dan kehadiran tokoh-tokoh baru di media sosial yang mempromosikan pemahaman faraid.

“Usaha yang dilakukan oleh Ustaz Abi ini sememangnya satu usaha yang patut kita puji, sebab dengan *mobile* pelajaran ni nanti dia bukan sahaja boleh membantu pelajar-pelajar di peringkat STPM tapi dalam masa yang sama jika ianya komersialkan ia juga boleh menarik orang-orang awam yang dahagakan kepada ilmu-ilmu agama ni (PK3)

Responden ketiga (PK3) juga sangat menyokong usaha baik pengkaji, ini kerana selain membantu para pelajar di peringkat STPM, model yang dibangunkan ini boleh dikomersialkan kepada masyarakat awam yang sangat meminati dan cuba mendalami ilmu yang berkaitan dengan faraid ini. Menurut beliau lagi, ilmu faraid ini merupakan sebahagian daripada ilmu agama dan perlu dipelajari oleh setiap individu.

Kesimpulannya, responden ketiga (PK3) menekankan kepentingan faraid dalam pendidikan agama dan potensi *mobile* pelajaran sebagai alat yang berkesan untuk mendekati masyarakat kepada ilmu ini. Beliau juga menunjukkan keinginannya untuk berkontribusi dan membantu dalam inisiatif ini. Pernyataan pakar tersebut turut disokong oleh Nurcan Al-Kis & Findik Coskuncay (2023) yang mengatakan peningkatan teknologi mudah alih membawa impak yang besar kepada pendidikan masyarakat seluruh negara.

“M-pembelajaran jawapannya dengan pendemik yang ada ini macam satu keperluan la, sebab sebelum ni ada teori berkaitan dengan teknogogi iaitu kombinasi di antara teknologi dan pedagogi maksudnya sudah sampainya masa teknologi itu dijadikan sebagai tools yang boleh dibawa ke mana-mana dengan gabungan ilmu pedagogi..” (PK3)

Responden ketiga (PK3) turut menjelaskan lagi bahawa pandemik covid-19 yang berlaku ini telah menjadikan M-pembelajaran faraid merupakan suatu keperluan yang sangat bersesuaian dengan zaman sekarang iaitu gabungan antara teknologi dan pedagogi. Ia membawa maksud bahawa *tools* atau peranti yang ada sekarang perlu digabungkan dengan pedagogi dalam sesuatu pembelajaran. Begitu juga bagi silibus tingkatan 6 STPM bagi ilmu faraid yang ingin dibangunkan oleh pengkaji adalah merupakan suatu usaha yang baik dan bagus. Ini kerana menurut responden ketiga (PK3) kajian yang berkaitan ilmu pengurusan pusaka atau faraid ini jarang diperincikan oleh mana-mana pihak; dan boleh dihitung beberapa orang sahaja yang sanggup terlibat dengan kajian seumpama ini. Oleh itu menurut beliau, sesiapa yang telah berjaya menjalankan kajian ilmiah berkaitan dengan pedagogi faraid ini, ia merupakan satu usaha yang baik dan satu kredit kepada pengkaji yang sedang menjalankan kajian ilmiah ini.

Secara keseluruhan, responden ketiga (PK3) mengakui kepentingan M-pembelajaran dalam konteks pandemik dan menghargai usaha yang dijalankan oleh pengkaji dalam membawa teknologi dan pedagogi bersama untuk meningkatkan pemahaman tentang harta pusaka atau faraid dalam pendidikan. Ini selari dengan pendapat Mayefis & Darwin et al (2022) yang mengatakan bahawa mata pelajaran yang agak susah lebih berkesan dan menarik dengan penggunaan teknologi semasa seperti peranti *smartphone* dan tablet.

“Dan satu kredit untuk usaha penambahbaikan sebab kalau tak digunakan mungkin orang tak tahu, macam hari ini apabila silibus tingkatan 5 pun sudah ada tajuk bab wasiat dengan bab faraid maksudnya satu keperluan lah walaupun selepas keluar buku teks tingkatan 5 ni kita rasa macam ada salah sahaja kalau tuan-tuan perasan buku teks tingkatan 5 asobah bin nafs tu ada tertinggal, ashabul furud tidak dinyatakan nama-nama waris tu, tapi apabila dia jadi satu keperluan maksudnya sukatan pembelajaran yang baru untuk pendidikan Islam telah di masukkan 2 bab iaitu bab wasiat dan bab faraid tapi dalam pendidikan Syariah tak ada tentang faraid, maksudnya keperluan tu memang ada, so pembelajaran berterusan melalui *mobile* ini juga sangat kritikal kita lihat terutama apabila pandemik melanda semua *online*, semua menggunakan gajet, peranti yang memerlukan orang akses secara sendiri.” (PK3)

Menurut beliau lagi (PK3) yang merupakan salah seorang pensyarah kanan universiti awam dan pemilik kepada channel youtube “Celik Faraid”, silibus atau sukatan pelajaran wasiat dan faraid bagi tingkatan 5 telah dimasukkan dalam buku teks Pendidikan Islam KSSM dan ia menjadikan usaha

model faraid yang sedang dibina ini merupakan suatu keperluan untuk dibangunkan. Pembangunan model ini secara tidak langsung dapat memudahkan usaha pembelajaran faraid di peringkat sekolah menengah menjadi lebih baik. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa dalam silibus Tingkatan 5 itu tidak dinyatakan secara jelas asobah bin nafs dan ashabul furud tidak dinyatakan nama-nama waris tersebut. Oleh itu, ia dilihat jelas sebagai suatu keperluan untuk membangunkan suatu model M-pembelajaran faraid memandangkan pembelajaran sekarang banyak berpusatkan secara *online*. Ini disebabkan pandemik yang sedang melanda dunia kini dan setiap insan atau kita sangat memerlukan alat gajet atau peranti bagi pengaksesan sesuatu ilmu secara sendiri, lebih-lebih lagi ilmu berkaitan faraid/mirath/pusaka ini.

“Jadi secara ringkas saya belajar Mirath tajuk Al-Mirath pada tahun 3 tahun 1996, selama setahun la jadi bila saya diminta untuk mengajar Mirath bermula tahun, untuk sistem secara semester 2013 jadi makanya pelajar itu belajar dalam masa 4 bulan, jadi saya yakin lah guru-guru lain pun yang terlibat dalam PdP Mirath berasa agak tertekan, kita belajar setahun tetapi kita diarahkan untuk habiskan sukatan dalam masa 3 atau 4 bulan, dan kita ada 4 bidang dalam tu, mirath, jinayyat, munakahat dan muamalat empat bidang tu kita belajar 4 tahun di Al-Azhar, tapi Mirath dan digabungkan dengan 3 itu dalam masa 3 atau 4, jadi satu usaha yang baik, tahniah..” (PK4)

Responden keempat (PK4) juga menjelaskan bahawa usaha yang ingin dijalankan ini sangat membantu para guru dan pelajar dalam mempelajari dan memahami faraid atau mirath dengan cepat memandangkan tempoh bagi semester 1 Syariah STPM sangat singkat yang mana para guru dan pelajar perlu menghabiskan silibus muamalat, mirath, munakahat dan jinayyat dalam tempoh 3 bulan atau 4 bulan sahaja. Hal ni telah menyebabkan para guru dan pelajar STPM terpaksa bertungkus lumus siang dan malam bagi menghabiskan silibus tersebut sebelum menjelang peperiksaan awam yang sebenar tiba. Oleh itu, usaha ini menurut beliau sangat-sangat dialukan bagi memudahkan mereka para guru dan pelajar dalam sesi PdP faraid.

Kesimpulannya, responden keempat (PK4) mengemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar tajuk Mirath dalam tempoh masa yang singkat, sambil memberikan penghargaan kepada pengkaji atas usaha dan inisiatifnya. Ini menunjukkan pentingnya memahami latar belakang dan konteks dalam mana subjek diajar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah. Oleh yang demikian

pengajaran yang kreatif akan menarik perhatian pelajar di mana pelajar boleh dibimbing untuk bekerjasama dalam pembelajaran dan sentiasa membuka ruang untuk turut serta sama ada dalam bentuk penggunaan teknologi dan perbincangan (Adlina 2020). Dengan demikian, silibus pengajaran dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

“Jadi mudah-mudahan jawapan yang saya jawab ya memang sangat setuju usaha yang dilakukan untuk *M-learning* ni mudah-mudahan mendapat hasil yang sangat baik, usaha yang baik sebab SPM bermula tahun ini memang dimulakan dengan tajuk mirath dan wasiat, satu yang kedua ada kesilapan seperti mana yang dijelaskan oleh Ustaz Zahari tadi, saya pun diminta la oleh kakak saya untuk mengajar mirath di sekolahnya tapi bila saya rujuk buku tu memang jelas la kesilapan dari pihak KPM, mungkin tertinggal beberapa patah perkataan jadi usaha yang sangat-sangat baik, sangat teruja la di atas kajian yang dilakukan.” (PK4)

Beliau juga turut menyatakan lagi bahawa usaha yang telah dilakukan oleh pengkaji ini akan membantu sedikit sebanyak subtopik faraid dalam SPM yang baru bermula. Selain itu, pihak KPM perlu melihat kembali dan memperbetulkan kekurangan fakta, huraian dan sukatan yang sebenar mirath dalam buku teks KSSM bagi Tingkatan 5 tersebut supaya ilmu faraid yang disampaikan kepada pelajar SPM adalah lebih tepat dan jelas.

“Perlu sangat kepada *M-learning* atau *M-pembelajaran* ini kerana sekarang ni kita kata nampak memang itu la yang ada dalam kalangan pelajar kita pun maklumat di hujung jari dan untuk maklumat semua pelajar tingkatan 6 ni dibenarkan, di sekolah pelajar tingkatan 1,2,3,4,5 tak benar bawa telefon di sekolah ni tapi pelajar tingkatan 6 ini dia dibenarkan untuk membawa telefon bimbit dan komputer riba di sekolah kerana apa kerana tingkatan 6 ni dah nama pra universiti, *M-learning* ni sangat-sangat perlu di sekolah dah pelajar dengan adanya *M-learning* pelajar dapat banyak aplikasi yang berkaitan dengan faraid, contohnya tajuk perbincangan kita pada hari ini lah, tajuk-tajuk faraid banyak dalam apa ni Internet-Internet, laman web yang kita akan bincang nanti la, saya rasa jawapan saya sebenarnya ringkas sahaja “*la budda*” (tidak dapat tidak) mesti perlu pada pembangunan mobile learning ini, sekian terima kasih.” (PK5)

Manakala responden kelima (PK5) juga sangat menyokong usaha baik pengkaji ini untuk membangunkan model *M-learning* atau *M-pembelajaran* kepada para pelajar, ini kerana pelajar tingkatan 6 STPM dibenarkan membawa telefon pintar dan komputer riba ke sekolah. Kepelbagaian aplikasi berkaitan faraid atau mirath menjadikan ia suatu kemudahan kepada para pelajar bagi menerokainya dengan baik. Oleh itu pencarian maklumat tentang faraid atau mirath dalam internet sangat jelas membantu dan memudahkan mereka

mencarinya tanpa sebarang sekat. Justeru itu, responden kelima (PK5) menegaskan bahawa pembangunan model *M-pembelajaran* faraid sangat diperlukan kepada para guru dan pelajar STPM.

“..masa pembelajaran untuk ada pelajar untuk STPM ni dia singkat kerana sistem regular ni dia singkat dia belajar dalam 3 bulan sahaja ada 4 elemen iaitu fiqh muamalat, fiqh munakahat, fiqh mirath, dan fiqh Janayyat, jadi 4 itu belajar dalam masa tak sampai, lebih kurang 3 bulan tolak cuti sebenarnya tak sampai pun 3 bulan tu jadi masa dia tu singkat, kalau kita ada peranti, ada satu kita membangunkan satu model yang baik *M-pembelajaran* seperti ini boleh membantu pelajar mempercepatkan pemahaman mereka dan juga akses kepada maklumat-maklumat berkaitan dengan faraid dan guru pun bila pelajar ni dia boleh akses,...jadi pemudah cara seperti mana yang dikehendaki sekarang ni lah..” (PK6)

Responden terakhir iaitu (PK6) turut menyokong kewujudan model atau aplikasi faraid bagi membantu para pelajar memahami faraid dengan cepat dan membantu pelajar mengakses maklumat tentang faraid dengan mudah. Ini semua berlaku disebabkan masa pembelajaran STPM yang sangat singkat bagi setiap penggal, hanya lebih kurang 3 bulan selepas ditolak hari percutian sekolah dan sebagainya. Guru dan pelajar terpaksa berusaha gigih dan bertungkus lumus untuk menghabiskan sukatan yang sepatutnya mereka selesaikan. Usaha seumpama ini perlu diteruskan bagi mempelbagaikan kaedah pedagogi PdP faraid yang lebih menarik dan membuat mereka lebih memahami ilmu faraid. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan kajian oleh Surjono (2017) Sakiyah et al. (2022) multimedia mampu menciptakan pembelajaran yang menarik dan tidak membosankan dan menjadikan pelajar itu boleh belajar secara sendiri.

KEPENTINGAN DAN PENEKANAN TERHADAP SUMBANGAN ATAU *NOVELTY* M-PEMBELAJARAN FARAID BAGI MATA PELAJARAN SYARIAH PERINGKAT STPM

Bagi menjawab persoalan kajian dalam fasa ini, pakar juga berpandangan kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau *novelty* kajian dalam pembangunan model ini. Ini berdasarkan kenyataan responden dalam sesi temu bual yang berikut:

“*novelty* nya dalam kajian ini ialah dia menyediakan satu platform alternatif la kepada pelajar dalam mendapatkan ilmu tidak sekadar di dalam kelas dan tidak semestinya dengan tuan guru yang satu” (PK1)

Menurut responden pertama (PK1), beliau dengan jelas menyatakan sumbangan baharu (*novelty*) dalam kajian ini ialah apabila pembangunan model ini berjaya dilaksanakan, ini secara tidak langsung akan menyediakan satu platform alternatif kepada para pelajar untuk mendapatkan ilmu tambahan selain ilmu yang diperolehi dalam kelas dan bukan hanya berguru kepada seorang guru faraid sahaja. Melalui kecanggihan teknologi masa kini, setiap orang mampu berguru dengan ramai para ulama dan tok guru yang muktabar melalui capaian internet yang ada pada masa sekarang seperti youtube, facebook, telegram, instagram dan sebagainya. Namun begitu, menurut beliau (PK1) setiap *content* atau pengisian yang terdapat dalam youtube atau sebagainya perlu kepada tapisan sebelum sesuatu ilmu itu disebarkan kepada para pelajar. Oleh itu, proses tapisan *channel* atau media massa tentang pembelajaran faraid secara sendiri sangat-sangat perlu dijalankan tapisan dengan baik dan teliti. Ini disokong oleh Ijlal Saja et al. (2022) yang menyatakan *Google Meet* dan *YouTube* sangat membantu dalam penguasaan Bahasa Arab ketika pandemik Covid. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan platform seperti *YouTube* sangat memberi kesan kepada sesuatu pembelajaran semasa.

“dari sudut *novelty* pula ataupun sumbangan, sumbangan saya rasa sangat besar la kerana dia menyumbang kepada kepelbagaian capaian ilmu kalau dulu kita hanya di dalam kelas, tapi dengan pandemik ini la yang membuka jalan kepada kita untuk meneroka, menerobus jalan baharu dalam mencapai ilmu yang sebenarnya sangat banyak di luar sana yang tinggal lagi hanya lah kepada kita dari sudut disiplinnya dan juga dari sudut Raudhah, dari sudut keinginan untuk kita capai dan seterusnya adalah peluang saya melihat dia bersifat warna warni lah, mungkin warnanya cerah dan mungkin warnanya gelap bergantung kepada kita.” (PK2)

Manakala menurut responden kedua (PK2), beliau mengatakan sumbangan yang sangat besar dalam pembangunan model ini adalah kepelbagaian capaian ilmu. Sekiranya dahulu pelajar hanya mendapat ilmu atau maklumat faraid hanya dalam kelas, tetapi disebabkan pandemik yang telah melanda negara kita dan seluruh dunia telah membuka jalan kepada kita untuk mendapatkan segala info dan maklumat melalui internet yang terbentang luas. Penyataan ini disokong oleh Ciobanu, Rareş C. (2022) yang berpandangan bahawa *e-learning* dan *m-learning* sangat membantu pembelajaran para pelajar seluruh dunia ketika dunia menghadapi pandemik tersebut.

Semua ini hanya bergantung kepada kita sahaja sama ada kita berkeinginan atau tidak untuk mencari ilmu faraid secara meluas tanpa batasan seumpama warna warni, sama ada kita berkeinginan warna yang cerah atau gelap. Semua pilihan tersebut terletak di tangan kita yang menentukan.

“kepada siapa guru ke pelajar?” (P)

Pengkaji mengajukan soalan ini kembali kepada responden kedua (PK2), adakah *novelty* atau sumbangan baharu hanya terfokus untuk guru atau pelajar sahaja?

“sebenarnya dua-dua memberikan sumbangan sebenarnya, dari sudut guru sebenarnya memudahkan cara sebab pelajar kita kadang-kadang dia gelap gelita tak tahu nak rujuk yang mana, yang mana sesuai sebab pelajar kita di universiti sendiri pun apa bila kita suruh buat kerja apa nama assignment apa semua kita membuka ruang begitu kadang-kadang masa pembentangan rujukannya, rujukan syi’ah nya, rujukan yang melampaunya jadi kita kena bagi panduan la kepada dia orang dan pelajar sudah semestinya lah kalau kita bagi apa sekali pun, banyak mana kita bagi tapi dia simpan, dia peram begitu sahaja matlamatnya tidak akan tercapai.” (PK2)

Oleh itu, responden kedua (PK2) menyatakan bahawa kedua-dua mereka sama ada guru atau pelajar turut menyumbangkan faedah tersebut. Dari sudut guru, mereka sangat membantu pelajar untuk mendapatkan rujukan yang tepat dan tidak menyeleweng dari ahli sunnah wal jamaah, sesuatu kerja atau assignment yang diperlukan rujukan, guru memberi ruang seluasnya kepada mereka untuk merujuk tanpa batasan. Justeru itu apa yang berlaku semasa pembentangan, rujukan yang mereka sandarkan adalah rujukan mazhab syi’ah. Oleh itu sebagai guru, kita hendaklah memberi pandangan dan panduan yang jelas mengenai pembelajaran faraid dengan sohih dan tepat. Selain itu, menurut beliau lagi (PK2) pelajar sekarang banyak yang guru dan ibu bapa berikan mereka telah simpankan dan menyebabkan matlamat asal tidak tercapai dengan baik.

“yang ketiga *novelty* tu banyak la yang disebutkan oleh Dr. Jasni, dan Dr. Mushaddad tadi satunya tentang open akses bahawa selama ini ilmu itu hanya formal dalam peringkat STPM tetapi dengan adanya *mobile learning* sebenarnya semua orang boleh akses benda tu belajar satu, kedua di pihak guru dari sudut sumbangan macam hari ini lah saya dapat diperkenalkan dengan Ustaz Anuar, dengan Ustaz Zakaria, Ustaz Saiful yang dua orang lagi memang sahabat lama dah kenal dah pun, dia akan mewujudkan satu sistem team teaching begitu..” (PK3)

Manakala responden ketiga (PK3) menyatakan bahawa responden pertama (PK1) dan kedua (PK2) turut menyebutkan tentang *novelty* yang sama iaitu kebebasan melayari (*open access*) selama ini hanya bersifat formal pada peringkat STPM, akan tetapi apabila dengan adanya M-pembelajaran faraid (*mobile learning faraid*), maka kini semua orang boleh belajar faraid dengan mudah tanpa had umur, masa dan tempat. Pernyataan tersebut dikuatkan dengan pandangan Daryanto (2010) menjelaskan bahawa penggunaan media pembelajaran semasa mampu mengurangkan keterbatasan tenaga, waktu, ruang, serta mampu menarik minat belajar itu sendiri kepada sesuatu mata pelajaran.

Novelty yang kedua menurut beliau juga, akan mewujudkan satu sistem team teaching faraid yang bersepadu. Menurut beliau lagi, melalui kajian pembangunan model oleh pengkaji ini telah berjaya mempertemukan ramai pakar yang terlibat secara langsung atau tidak dengan pengurusan harta pusaka/faraid/mirath. Apabila wujudnya kumpulan seumpama ini, masing-masing akan bantu membantu satu sama lain sekiranya terdapat sesuatu isu yang perlu diselesaikan. Beliau mencadangkan supaya diwujudkan kumpulan atau da'ie faraid untuk saling membantu antara mereka. Pernyataan ini juga disokong oleh Galvin Sim & Kah Hoay (2024) yang menunjukkan bahawa *team teaching* bersepadu antara kumpulan memberi kesan yang sangat positif terhadap pembelajaran, guru dan persekitaran pembelajaran tersebut.

“Saya suka tengok didik TV dari sudut persembahan, slide dan sebagainya kadang-kadang kita ketawa, kita komen dengan guru-guru yang ada tapi itu lah muhasabah balik dekat diri kita macam mana kita mengajar? Itu sahaja sebenarnya lawa ke slide kita dan sebagainya yang kedua team teaching itu dari sudut produk mungkin pengisian *mobile learning* itu sentiasa di upgrade ataupun cara persembahan guru-guru kita perlu membina tarikan kepada para pelajar, yang Ustaz Zakaria kata betul dari sudut muzik, dari sudut itu adalah sebahagian inovasi daripada mereka yang mengajar tu nampak la di mana nak mengingat dan sebagainya, tetapi tak semua orang diberikan skill begitu sebenarnya tapi sekurang-kurangnya dengan pertemuan untuk nak memikirkan tentang *mobile learning* seperti saya kata tadi inovasi ini adalah berkaitan baru kita kenal yang nak mengajar ni siapa orangnya?” (PK3)

Beliau juga merupakan responden ketiga (PK3) yang sangat gemar menonton didik TV dari sudut persembahan, slide dan sebagainya. Setiap yang dilihat menurut beliau sebenarnya mengajar kita supaya bermuhasabah diri dalam PdP kita kepada pelajar, adakah slide yang kita

sediakan itu menarik? Adakah persembahan kita tak membosankan dan sebagainya. Manakala team teaching menurut beliau dari sudut produk atau pengisian M-pembelajaran (*mobile learning*) itu hendaklah sentiasa ditingkatkan (*upgrade*) supaya cara persembahan guru akan menarik minat pelajar terhadap PdP faraid. Kelebihan nyanyian dalam mengingati fakta merupakan satu kaedah inovasi dalam sesuatu pengajaran, namun begitu tidak semua orang diberikan bakat atau kemahiran sedemikian. Oleh itu jelas kepelbagaian pengajaran seperti pembelajaran kontekstual yang seiring dengan teknologi semasa membantu mengembangkan keperibadian, perwatakan dan prestasi intelektual. (Tengku Kasim et al. 2021).

Tetapi dengan pertemuan sebegini merupakan satu inovasi baru dan kelebihan yang telah berjaya mengumpulkan sekelompok individu yang berkemahiran dalam ilmu faraid. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya dengan kewujudan pembangunan model ini akan dapat membentuk satu pasukan mengajar faraid (*team teaching mirath/faraid*) dalam PdP faraid atau mirath di peringkat yang lebih luas lagi.

“saya setuju lah pandangan Dr. Zahari menyatakan bahawa kita dapat kenal siapakah pakar-pakar faraid yang ada di Malaysia ini sebab kalau nak katakan pakar Munakahat, Janayyat, Muamalat, mungkin ramai ya, yang kita kenal macam saya, Ustaz Anuar, Ustaz Ya, Dr. Zamro, Dr. Liza itu sahaja la yang kita kenal sebab team kita dalam MPM tapi sebenarnya ramai lagi yang kita boleh rujuk ya kalau ada apa-apa permasalahan.” (PK4)

Manakala responden keempat (PK4) turut bersetuju dengan pandangan responden ketiga (PK3) yang menyatakan *novelty* kajian ini adalah dapat membina hubungan kepakaran yang bersepadu antara pakar-pakar faraid dan pusaka. Beliau menjelaskan lagi, pakar munakahat, janayyat dan muamalat telah ramai, namun bagi ilmu pengurusan harta pusaka/faraid/mirath masih kurang dikenali dan oleh itu menurut beliau ia perlu digabungkan supaya sesuatu permasalahan tentang faraid yang sukar akan dapat diselesaikan secara kebersamaan.

“tentang *novelty* sumbangan pun kalau kita lihat sekarang ni pun ikut perkembangan la, ikut perkembangan masa kalau zaman kita dulu sebelum covid tak ada la macam ini dia punya study, kita tak ada macam ini. La ni dunia di hujung jari. Kalau dulu Tok Kenali eh apa ni, apa ni Idris Marbawi sejarah nak datang belajar dengan Tok kenali sampai kena mari jumpa sekarang ni tok guru ada di hujung jari.” (PK5)

Menurut responden kelima (PK5), beliau

menyatakan bahawa *novelty* kajian yang dilihat sekarang adalah mengikut perkembangan zaman dan masa, sebagaimana yang telah berlaku pada masa kini iaitu pandemik covid-19 telah mengubah cara belajar kita iaitu melalui *online* dan teknologi. Sekiranya dahulu menurut beliau Tok Kenali atau Syeikh Idris Marbawi kalau kita hendak belajar atau menuntut sesuatu ilmu perlu datang dan bermusafahah dengan mereka, akan tetapi zaman sekarang telah berbeza yang mana tok guru hanya berada di hujung jari kita masing-masing. Menurut Hapsah & Abd. Khahar (2018), berdasarkan gaya pembelajaran murid guru boleh mencipta pengajaran yang menarik minat dan perhatian murid seterusnya meningkatkan motivasi murid untuk belajar di mana jua mereka berada.

“bagusnya pada saya la membantu sangat-sangat untuk membantu para pelajar supaya lebih mudah lagi nak akses internet ini, peluang sangat-sangat luas la peluang kepada pelajar sebab sekarang ni setiap pelajar miskin ke kaya pun semua ada telefon bimbit, telefon pintar.” (PK5)

Beliau memberikan penjelasan lagi apabila ditanya oleh pengkaji apakah sumbangan yang responden nampak dengan kajian ini berbanding dengan kajian-kajian lain? Beliau menjelaskan bahawa kajian yang dijalankan ini sangat membantu para pelajar untuk lebih mudah mengakses maklumat melalui internet. Ini kerana setiap pelajar sekarang sama ada miskin atau kaya kebiasaannya memiliki telefon bimbit atau telefon pintar (*smartphone*).

“yang boleh menyeronokkan fun learning.” (PK6)

Bagi pandangan responden terakhir (PK6), beliau menyatakan *novelty* atau sumbangan baharu yang jelas dalam pembangunan model ini adalah sesuatu kaedah PdP yang boleh menyeronokkan para pelajar (*fun learning*) dalam memahami ilmu faraid dengan kepelbagaian kaedah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan ICT atau teknologi sedia ada. Ini selari dengan pandangan Adlina (2020) yang menyatakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat menyemai kreativiti pelajar, daya intelektual dan semangat untuk belajar dalam kalangan pelajar.

PERSETUJUAN DIBANGUNKAN MODEL

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan, hasil analisis temu bual menunjukkan semua pakar bersetuju bahawa model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah STPM adalah perlu dan penting untuk dibangunkan. Berikut adalah pandangan pakar:

“Cuma pelajar ini saya ingat dia orang lebih advance dengan gajet ni kan, so saya setuju dan sangat sokong la idea membangunkan model M-pembelajaran ini.” (PK1)

“Saya rasa ini usaha yang sangat baik lah (dibangunkan model m-pembelajaran), seperti yang saya sebut tadi, menyambut baik la usaha yang dijalankan oleh Ustaz Abi ni, sebab sebelum ni kita jarang dengar faraid ni hanya dibincangkan dan menjadi minat ramai golongan-golongan yang baru.” (PK2)

“saya rasa sebagai permulaannya saya amat menyokong usaha ini (model m-pembelajaran) dan dengan ilmu yang sedikit ini insya-Allah kita dapat membantu usaha yang dilakukan..” (PK3)

“jawapan yang saya jawab ya memang sangat setuju usaha yang dilakukan untuk *M-learning* ni mudah-mudahan mendapat hasil yang sangat baik..” (PK4)

“jadi saya kata tidak dapat tidak la M-learning ni sangat-sangat perlu di sekolah dah pelajar dengan adanya M-learning pelajar dapat banyak aplikasi yang berkaitan dengan faraid.” (PK5)

“kalau kita ada peranti, ada satu kita membangunkan satu model yang baik M-pembelajaran seperti ini boleh membantu pelajar mempercepatkan pemahaman mereka dan juga akses kepada maklumat-maklumat berkaitan dengan faraid dan guru pun bila pelajar ni dia boleh akses, tak la teruk sangat guru pun maknanya boleh jadi pemudah cara.” (PK6)

Secara keseluruhannya, semua pakar menyatakan persetujuan bagi membangunkan model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM. Informan pakar turut menyatakan pandangan bahawa model yang dibangunkan perlu dan wajar dijadikan sebagai panduan kepada para pelajar STPM untuk mendapatkan maklumat faraid dengan menggunakan pembelajaran mudah alih atau *mobile learning*. Oleh itu, hasil analisis temu bual bersama menunjukkan semua pakar memberi persetujuan bahawa pembangunan model M-pembelajaran faraid peringkat STPM adalah perlu dan wajar dibangunkan. Justeru itu, hasil dapatan analisis keperluan dijadikan asas kepada fasa selanjutnya iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan model.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, fokus analisis keperluan ini difokuskan kepada tiga tema utama iaitu keperluan model, kepentingan dan penekanan terhadap sumbangan atau *novelty* M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM dan persetujuan dibangunkan model.

Justeru itu, apabila dilihat kepada dapatan, kesemua panel pakar telah bersepakat dan bersetuju

untuk membangunkan suatu model M-pembelajaran faraid bagi mata pelajaran Syariah peringkat STPM. Selain itu, mereka juga menyatakan secara jelas sumbangan atau *novelty* M-pembelajaran faraid yang telah memberikan kesan terhadap pembentukan suatu pasukan mengajar faraid (*team teaching faraid*) yang lebih luas dan efektif selain berjaya membentuk suatu inovasi pedagogi baharu model M-faraid kepada pelajar STPM.

Oleh yang demikian, dapatan tersebut secara tidak langsung dapat membantu pengkaji untuk meneruskan kajian kepada fasa yang berikut iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan model yang telah diketahui merupakan fasa paling utama dalam pembangunan model DDR ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; metodologi, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; perisian, Abe Sohpihan; pengesahan instrumen, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; analisis data, Abe Sohpihan; pengurusan sumber, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; pengumpulan data, Abe Sohpihan; penulisan draf asal, Abe Sohpihan; semakan dan penyuntingan, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; visualisasi, Abe Sohpihan; pengurusan projek, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati; pemerolehan peruntukan, Abe Sohpihan, Noor Lizza and Rosmawati. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Ahmad, M. Y., & Laluddin, H. 2010. Pengurusan harta pusaka: permasalahan sikap masyarakat Islam di Malaysia dan penyelesaiannya menurut perspektif Islam. *Shariah Law Reports* 4: 30-34.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Othman & Mohd. Kasri Saidon. 2020. Memacu pendidikan di era Revolusi Industri 4.0: Penerapan nilai-nilai Islam dan inovasi dalam pengajaran di Institut Pengajian Tinggi. *Islamiyyat* 42(Isu Khas): 13-20.
- Alkış-Bayhan, N., & Fındık-Coşkunçay, D. 2023. Students' adoption of m-learning in higher education: An empirical study. *Current Perspectives in Social Sciences* 27(2): 160-171.
- Breslow, L. 2015. The pedagogy and pleasures of teaching a 21st-Century skill. *European Journal of Education* 50(4): 420-439. doi:10.1111/ejed.12159
- Brown, T. H. 2005. Towards a model for m-learning in Africa. *International Journal on E-Learning* 4(3): 299-315.
- Ciobanu, Rareş C. 2022. M-Learning and e-learning educational solutions impact in the COVID-19 pandemic. *Informatica Economica* 26(3): 64-73. doi:10.24818/issn14531305/26.3.2022.06.
- Chua, Y. P. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Clarke III, I., Flaherty, T. B., & Mottner, S. 2001. Student perceptions of educational technology tools. *Journal of Marketing Education* 23(3): 169-177.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. 2002. *Research Methods in Education*. Routledge.
- Daryanto. 2010. *Media Pembelajaran*. Yogyakarta: Gava Media.
- de Lima, J. P. C., Rochadel, W., Silva, A. M., Simão, J. P. S., da Silva, J. B., & Alves, J. B. M. (2014, April). Application of remote experiments in basic education through mobile devices. In *2014 IEEE Global Engineering Education Conference (EDUCON)* (pp. 1093-1096). IEEE.
- Galvin Sim Siang Lin & Kah Hoay Chua. 2024. Undergraduate dental students' perceptions of team-teaching: A Malaysian experience on cross-professional preclinical education. *Educación Médica* 25(2): 100874. <https://doi.org/10.1016/j.edumed.2023.100874>.
- Hapsah Majid & Abd. Khahar Saprani. 2018. Penggunaan Bahan Sastera dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pedagogi terbeza. Kertas kerja Seminar Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu (SPAKEM). Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu. Kuala Lumpur.
- Jamil, M. R. M., Siraj, S., Yusof, F., Noh, N. M., Hussin, Z., & Sapar, A. A. 2015. Aplikasi teknik Fuzzy Delphi terhadap keperluan elemen keusahawanan bagi pensyarah kejuruteraan Politeknik Malaysia. *International Journal of Business and Technopreneurship* 5(1): 135-150.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Khasim, N., Md Zain, A., & Hamzah, M. H. 2017. Amalan penggunaan bahan bantu mengajar guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 2(6): 56-69.
- Khalil, A. B. A., Othman, M. K. B., & Saidon, M. K. B. 2020. Memacu pendidikan di era Revolusi Industri 4.0: Penerapan nilai-nilai islam dan inovasi dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi. *Islamiyyat* 42: 13-20.
- Kukukska-Hulme, A., & Traxler, J. 2005. *Mobile Learning: A Handbook for Educators and Trainers*. London, UK: Routledge.
- Lebar, O. 2006. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Lin, G. S. S., & Chua, K. H. 2024. Undergraduate dental students' perceptions of team-teaching: A Malaysian experience on cross-professional preclinical education. *Educación Médica* 25(2): 100874. *Majalah Pendidik*, November. 2016. Majlis Peperiksaan Malaysia. 2020.
- Malik, A., Siraj, S., Abdullah, M. R. T. L., & Sakika, K. A. 2017. Keperluan dan penerimaan guru pelatih terhadap pelaksanaan m-pembelajaran dalam pendidikan guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 5(3): 62-70
- Marshall C. & Rossman G.B. 1995. *Designing Qualitative Research*. Sage Publications, London
- Mayefis, Reska. 2022. Mobile learning media for computer and based network at vocational high school. *International Journal of Natural Science and Engineering* 6(1):21-29. <https://doi.org/10.23887/ijnse.v6i1.48036>.
- McKilip, J. 1987. *Need Analysis: Tools for the Human Service and Education. Applied Social Research Methods Series*, Volume 10. Sage Publications: Thousand Oaks, CA.
- Md Kamdari, Nor' Azurah & Yusoff, Remali & Majid, Ahmad. 2016. Full Paper iCONS 2013 (4-5SEP2013) Nor'Azurah-1.
- Mearaj, Ijlal Saja, Sopian, A., Ramli, S. M., & Abdul Razak, A. Q. 2022. Keberkesanan *Google Meet* dan *Youtube* dalam penguasaan Bahasa Arab secara ODL semasa pandemik COVID-19. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 44(1): 115–124. <https://doi-org.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/10.17576/islamiyyat-2022-4401-10>
- Merriam, S. B. 2002. Introduction to qualitative research. *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis* 1(1): 1-17.
- Miles M. & Huberman A. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. 2014. Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2(1).
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3rd edition. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Prensky, M. 2001. Digital natives, digital immigrants part 1. *On the Horizon* 9(5):1-6.
- Riviere, C. N., & Thakor, N. V. 1996. Modeling and canceling tremor in human-machine interfaces. *IEEE Engineering in Medicine and Biology Magazine* 15(3): 29-36.
- Saedah Siraj. 2005. Pembelajaran Mobile dalam kurikulum masa depan. *Jurnal Pendidikan, Journal on Issues of Education* 27: 115-126.
- Safar, A., & Othman, H. A. 2010. Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Ilmu Faraid. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia Retrieved from http://eprints.utm.my/10937/1/Persepsi_Pelajar_Universiti_Teknologi_Malaysia_Terhadap_Ilmu_Faraid.pdf.
- Sakiyah, Septi, Mustaji Mustaji, and M. Turhan Yani. 2021. Pengembangan mobile learning dengan pendekatan saintifik untuk meningkatkan kemandirian dan hasil belajar IPS di kelas IV SD. *PENDIPA Journal of Science Education* 6 (1): 193-200. <https://doi.org/10.33369/pendipa.6.1.193-200>.
- Saleh, M. P., & Siraj, S. 2017. Analisis keperluan pembangunan model pengajaran M-Pembelajaran mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4(4): 12-24.
- Said, N. L. M., bin Ali, Z., Ahmad, M. Y., & Husni, A. M. 2010. Bab 3 Kajian Persepsi Masyarakat terhadap Keperluan Ilmu Faraid dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM.
- Tengku Kasim, T. S. A., Yusoff, Y. M. D., & Mansor, F. 2021. Building Student Character through Contextual Learning Approach: Islamic Education Novice Teachers' Experiences. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 43(2): 39–52. <https://doi-org.eresourcesptsl.ukm.remotexs.co/10.17576/islamiyyat-2021-4302-04>
- Tong, D. H., Nguyen, T.-T., Uyen, B. P., & Ngan, L. K. 2023. Using m-learning in teacher education: A systematic review of demographic details, research methodologies, pre-service teacher outcomes, and advantages and challenges. *Contemporary Educational Technology* 15(4): 482. <https://doi.org/10.30935/cedtech/13818>
- Witkin, B. R., & Altschuld, J. W. 1995. *Planning and Conducting Needs Assessments: A Practical Guide*. Sage.
- Yaakob, M. N., Shuib, A. S., Yusoff, N. M., & Yaakob, S. B. 2020. Pembangunan model m-pembelajaran untuk kursus teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran IPG: Satu analisis keperluan. *Practitioner Research* 1: 87-110
- Yusof, M. N. Mohd., & Tahir, Z. 2017. Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *e-BANGI* 12(3): 1-10.